

AN EVALUATION OF BUY NOW PAY LATER (BNPL) BASED ON THE ḤIFẒ AL-MĀL PRINCIPLE OF MAQĀSID AL-SHARĪ‘AH IN MALAYSIA

PENILAIAN BUY NOW PAY LATER (BNPL) BERDASARKAN PRINSIP ḤIFẒ AL-MĀL DALAM MAQĀSID AL-SYARĪ‘AH DI MALAYSIA

Muhammad Anas Ibrahimⁱ, Mohd Sabree Nasriⁱⁱ, Adlan Saidinⁱⁱⁱ, Abduhakim Kaje Yamkee^{iv}, Aemy Aziz^v, Mohd Muhaizam Md Ishak^{vi} & Kamarul Ariffin Ithnan^{vii}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. anasibrahim@uitm.edu.my
- ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. sabreenasri@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. adlan.saidin@uitm.edu.my
- ^{iv} Pelajar Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. abduhakimkaje@gmail.com
- ^v Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor. aemy@uitm.edu.my
- ^{vi} Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah. muhaizam@uitm.edu.my
- ^{vii} Pengetua, Darul Ulum Al Islamiyyah Al Banuriyyah, Jalan Permatang Nibong, Kampung Pertama, Permatang Pauh, Pulau Pinang. kamarulithnan@gmail.com

Article Progress

Received: 23 June 2026

Revised: 13 July 2026

Accepted: 30 July 2026

Abstract	<i>The advancement of financial technology (fintech) has led to the emergence of various digital payment instruments, including Buy Now Pay Later (BNPL), which has gained increasing attention among consumers in Malaysia. Although BNPL offers convenience and payment flexibility, its use has also raised concerns regarding increasing debt burdens, excessive spending and Shariah compliance. Accordingly, this study aims to analyse the position and implementation of BNPL based on the principle of ḥifẓ al-māl and to develop a proposed framework for BNPL implementation that is more closely aligned with the objective of wealth preservation within Maqāsid al-Syarī‘ah. This study adopts a qualitative approach through a library research design involving the analysis of primary and secondary sources, including official documents, reports issued by financial institutions, journal articles, academic books, and other relevant scholarly literature. The data were analysed using content analysis to identify and synthesise key issues related to the use of BNPL and its implications for wealth preservation. The findings indicate that BNPL has the potential to align with the principle of ḥifẓ al-māl when implemented through valid and transparent contracts that are free from riba, gharar, and exploitation. However, such alignment depends not only on contractual compliance but also on debt management, contractual transparency, and the effectiveness of consumer protection. Based on these findings, this study develops a BNPL assessment framework based on the principle of ḥifẓ al-māl, comprising four key dimensions: Shariah compliance, debt management,</i>
-----------------	---

	<i>contractual transparency, and consumer protection. The framework provides a conceptual basis for a more comprehensive assessment of BNPL implementation by considering not only Shariah compliance but also its implications for wealth preservation and consumers' financial well-being in accordance with the objectives of Maqāṣid al-Syarī'ah.</i> Keywords: <i>Financial, Technology, Consumers, Riba, Gharar.</i>
Abstrak	<i>Perkembangan teknologi kewangan (fintech) telah mendorong kemunculan pelbagai instrumen pembayaran digital, termasuk Buy Now Pay Later (BNPL) yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan pengguna di Malaysia. Walaupun BNPL menawarkan kemudahan dan fleksibiliti pembayaran, penggunaannya turut menimbulkan kebimbangan berkaitan peningkatan beban hutang, perbelanjaan berlebihan serta isu pematuhan syariah. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis kedudukan dan pelaksanaan BNPL berdasarkan prinsip ḥifẓ al-māl serta membentuk kerangka cadangan bagi pelaksanaan BNPL yang lebih selaras dengan objektif pemeliharaan harta dalam Maqāṣid al-Syarī'ah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kepustakaan dengan menganalisis sumber primer dan sekunder yang terdiri daripada dokumen rasmi, laporan institusi kewangan, artikel jurnal, buku akademik dan penulisan ilmiah berkaitan. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mengenal pasti dan mensintesis isu utama berkaitan penggunaan BNPL serta implikasinya terhadap pemeliharaan harta. Dapatan kajian menunjukkan bahawa BNPL berpotensi selaras dengan prinsip ḥifẓ al-māl sekiranya dilaksanakan melalui kontrak yang sah, telus serta bebas daripada unsur riba, gharar dan penindasan. Walau bagaimanapun, keselarasan tersebut tidak hanya bergantung kepada pematuhan kontrak, tetapi turut dipengaruhi oleh pengurusan hutang, ketelusan kontrak dan keberkesanan perlindungan pengguna. Berdasarkan dapatan tersebut, kajian ini membentuk kerangka penilaian BNPL berasaskan prinsip ḥifẓ al-māl yang merangkumi empat dimensi utama, iaitu pematuhan syariah, pengurusan hutang, ketelusan kontrak dan perlindungan pengguna. Kerangka ini menyediakan asas konseptual bagi menilai pelaksanaan BNPL secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira bukan sahaja pematuhan syariah, tetapi juga implikasinya terhadap pemeliharaan harta dan kesejahteraan kewangan pengguna selaras dengan objektif Maqāṣid al-Syarī'ah.</i> Kata kunci: <i>Kewangan, Teknologi, Pengguna, Riba, Gharar.</i>

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi kewangan (*financial technology* atau *fintech*) telah membawa perubahan yang signifikan terhadap landskap sistem kewangan global, khususnya dalam aspek pembayaran dan pembiayaan pengguna. Kemajuan teknologi digital serta peningkatan penggunaan platform e-dagang telah mendorong kemunculan pelbagai instrumen kewangan baharu yang menawarkan kemudahan, kepantasan dan fleksibiliti kepada pengguna.

Salah satu inovasi yang semakin mendapat perhatian ialah Buy Now Pay Later (BNPL), iaitu kaedah pembayaran yang membolehkan pengguna memperoleh barangan atau perkhidmatan terlebih dahulu sebelum menjelaskan bayaran secara ansuran dalam tempoh yang ditetapkan (Ahlam et al., 2024). Model pembiayaan ini berkembang pesat seiring dengan peningkatan penggunaan aplikasi digital dan kecenderungan pengguna terhadap transaksi tanpa tunai.

Perkembangan BNPL sebagai salah satu bentuk pembiayaan digital semakin ketara seiring dengan pertumbuhan teknologi kewangan dan penggunaan platform e-dagang. Di Malaysia, kemudahan BNPL ditawarkan melalui pelbagai platform yang membolehkan pengguna membuat pembelian dengan pembayaran secara tertangguh atau ansuran dalam tempoh tertentu.

Populariti instrumen ini didorong oleh proses permohonan yang mudah, kelulusan yang pantas serta akses kepada kemudahan pembayaran tanpa memerlukan kad kredit. Menurut Ismah et al. (2024), BNPL semakin mendapat perhatian dalam kalangan pengguna muda kerana menawarkan fleksibiliti kewangan berbanding instrumen kredit tradisional. Selain memberikan kemudahan pembayaran, BNPL turut memperluas akses kepada pembiayaan jangka pendek, khususnya kepada pengguna yang mempunyai akses terhadap kemudahan kredit konvensional.

Walaupun BNPL menawarkan pelbagai manfaat kepada pengguna dan menyokong pertumbuhan ekonomi digital, penggunaannya turut menimbulkan beberapa kebimbangan. Kajian oleh Di Johnson et al. (2021) mendapati bahawa pengguna BNPL lebih cenderung melakukan pembelian impulsif dan berbelanja melebihi kemampuan kewangan mereka kerana pembayaran dilakukan secara tertangguh.

Situasi ini berpotensi meningkatkan beban hutang isi rumah serta menjejaskan kestabilan kewangan pengguna. Selain itu, terdapat juga isu berkaitan ketelusan kontrak, caj penalti, perlindungan pengguna dan tahap kefahaman pengguna terhadap implikasi kewangan yang timbul daripada penggunaan BNPL (Ulfah Mansurah & Ahmad Azam, 2024). Dalam konteks Malaysia, perkembangan pesat BNPL turut menarik perhatian pihak berkuasa dan institusi kewangan Islam.

Mesyuarat ke-220 Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia telah memutuskan bahawa kemudahan BNPL boleh dilaksanakan dengan syarat ia distrukturkan menggunakan kontrak syariah yang sesuai bagi memastikan hak dan tanggungjawab semua pihak dipelihara (Bank Negara Malaysia, 2024). Walau bagaimanapun, pematuhan syariah dalam pelaksanaan BNPL tidak seharusnya dinilai hanya dari aspek kontrak semata-mata, bahkan perlu diteliti berdasarkan objektif syariah yang lebih menyeluruh.

Maqāsid al-Syarī'ah merupakan kerangka penting dalam menilai sejauh mana sesuatu instrumen kewangan dapat merealisasikan kemaslahatan dan mencegah kemudaratan. Antara objektif utama syariah ialah pemeliharaan harta (*ḥifẓ al-māl*), yang menekankan pengurusan harta secara berhemah, perlindungan daripada unsur penindasan, serta pencegahan pembaziran dan kerugian.

Dalam konteks kewangan Islam, prinsip *ḥifẓ al-māl* menuntut agar setiap transaksi kewangan dilaksanakan secara adil, telus dan bebas daripada unsur yang boleh menjejaskan kesejahteraan ekonomi individu serta masyarakat. Walaupun terdapat beberapa kajian yang membincangkan perkembangan BNPL, tingkah laku pengguna serta implikasi kewangannya, kajian yang menilai instrumen BNPL secara khusus berdasarkan prinsip *ḥifẓ al-māl* dalam kerangka *Maqāsid al-Syarī'ah* masih terhad, khususnya dalam konteks Malaysia.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis kedudukan dan pelaksanaan BNPL berdasarkan prinsip *ḥifẓ al-māl* serta membentuk kerangka cadangan bagi pelaksanaan BNPL yang lebih selaras dengan objektif pemeliharaan harta dalam *Maqāsid al-Syarī'ah*. Kajian ini diharapkan dapat memperkaya literatur berkaitan kewangan Islam dan teknologi kewangan, di samping menyediakan asas konseptual kepada pihak berkuasa, institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan BNPL dalam memperkukuh pelaksanaannya agar lebih telus, bertanggungjawab dan berorientasikan pemeliharaan harta.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Dan Perkembangan Buy Now Pay Later (BNPL)

Buy Now Pay Later (BNPL) merujuk kepada satu bentuk kemudahan pembiayaan pengguna yang membolehkan pembelian dilakukan terlebih dahulu sebelum pembayaran dijelaskan

secara angsuran dalam tempoh yang dipersetujui. Menurut Giulio et al. (2023), BNPL merupakan sebahagian daripada evolusi sistem kredit pengguna yang menggabungkan elemen pembiayaan jangka pendek dengan kemudahan transaksi digital.

Berbeza dengan kad kredit tradisional, BNPL lazimnya menawarkan proses permohonan yang lebih mudah, tempoh kelulusan yang lebih singkat dan akses yang lebih luas kepada pengguna yang mempunyai sejarah kredit yang terhad. Oleh sebab itu, BNPL semakin mendapat tempat dalam ekosistem pembayaran digital dan menjadi salah satu instrumen pembiayaan pengguna yang berkembang pesat di peringkat global (Jessa & Daniel, 2025).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pertumbuhan BNPL didorong oleh perubahan tingkah laku pengguna serta perkembangan pesat sektor e-dagang. Wenlong et al. (2023) menjelaskan bahawa model BNPL berkembang sejajar dengan peningkatan transaksi dalam talian dan permintaan terhadap kaedah pembayaran yang lebih fleksibel.

Dalam masa yang sama, kajian oleh Srinivasa et al. (2025) dan Colleen & Morgan (2023) mendapati bahawa pengguna melihat BNPL sebagai alternatif yang lebih mudah berbanding kemudahan kredit konvensional kerana tidak memerlukan prosedur penilaian kredit yang ketat. Keadaan ini telah mendorong peningkatan penggunaan BNPL dalam pelbagai sektor peruncitan termasuk fesyen, elektronik, pelancongan dan perkhidmatan digital.

Walaupun BNPL sering dikaitkan dengan kemudahan pembayaran dan peningkatan akses kepada pembiayaan, beberapa kajian turut menimbulkan kebimbangan terhadap implikasi penggunaannya. M Gelar (2024) mendapati bahawa kemudahan pembayaran secara tertangguh boleh mempengaruhi corak perbelanjaan pengguna dan meningkatkan kecenderungan terhadap pembelian impulsif.

Selain itu, Steven et al. (2025) menegaskan bahawa penggunaan BNPL yang tidak dikawal berpotensi meningkatkan tahap keberhutangan pengguna, khususnya dalam kalangan golongan muda. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa BNPL bukan sahaja perlu dinilai dari sudut kecekapan sebagai instrumen kewangan moden, bahkan juga dari aspek kesannya terhadap kesejahteraan kewangan pengguna dan pemeliharaan harta.

Konsep *Ḥifẓ al-Māl* Dalam *Maqāṣid al-Syarīʿah*

Maqāṣid al-Syarīʿah merujuk kepada objektif dan tujuan utama pensyariaan hukum Islam yang bertujuan merealisasikan kemaslahatan serta menghindarkan kemudaratan kepada manusia. Menurut al-Ghazali (1993), *maqasid syariah* berteraskan pemeliharaan lima perkara asas (*al-darūriyyāt al-khams*), iaitu agama (*al-dīn*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-aql*), keturunan (*al-nasl*) dan harta (*al-māl*).

Al-Shatibi (2003) turut menjelaskan bahawa setiap hukum syarak ditetapkan bagi menjaga kepentingan manusia dalam aspek kehidupan dunia dan akhirat. Dalam kerangka tersebut, *ḥifẓ al-māl* merupakan salah satu objektif utama syariah yang berperanan melindungi harta daripada sebarang bentuk kerosakan, kehilangan, penindasan dan pembaziran. Konsep *ḥifẓ al-māl* mempunyai asas yang kukuh dalam sumber utama syariah. Antaranya, Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil" (al-Quran. al-Nisa': 29).

Ayat ini menunjukkan bahawa syariah memberikan penekanan terhadap perlindungan hak milik, keadilan dalam transaksi dan pencegahan sebarang bentuk eksploitasi harta. Menurut al-Ghazali (1993), pemeliharaan harta merupakan salah satu daripada lima kepentingan asas (*al-darūriyyāt al-khams*) yang perlu dipelihara bagi menjamin kesejahteraan manusia.

Oleh itu, setiap aktiviti ekonomi dan instrumen kewangan hendaklah dinilai berdasarkan keupayaannya untuk melindungi harta daripada kerugian, penindasan dan

pembaziran. Menurut Mudeer Ahmed (2018), pemeliharaan harta bukan sahaja merujuk kepada hak pemilikan, bahkan meliputi aspek pengurusan, penggunaan dan pengagihan harta secara adil dan bertanggungjawab.

Justeru, Islam mengharamkan segala bentuk transaksi yang mengandungi unsur riba, gharar, penipuan dan pengambilan harta secara batil kerana perkara tersebut boleh menjejaskan kesejahteraan ekonomi individu dan masyarakat. Dalam konteks kewangan Islam, prinsip *hifz al-māl* menjadi asas penting dalam menilai sesuatu instrumen kewangan bagi memastikan ia dapat melindungi kepentingan pengguna, mengelakkan eksploitasi serta menyumbang kepada kemaslahatan ekonomi secara menyeluruh.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada perbincangan konseptual mengenai *hifz al-māl* dalam kewangan Islam secara umum, manakala penelitian terhadap aplikasi prinsip tersebut dalam instrumen kewangan digital baharu seperti Buy Now Pay Later (BNPL) masih terhad, khususnya dalam konteks Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai penggunaan BNPL berdasarkan prinsip *hifz al-māl* sebagai salah satu objektif utama Maqāṣid al-Syarī'ah.

Buy Now Pay Later (BNPL) Dan Pemeliharaan Harta

Kajian berkaitan Buy Now Pay Later (BNPL) semakin berkembang selaras dengan peningkatan penggunaannya dalam sektor kewangan digital. Kebanyakan kajian terdahulu menumpukan kepada faktor penerimaan pengguna, corak perbelanjaan serta implikasi kewangan yang timbul daripada penggunaan BNPL. Ismah et al. (2024) mendapati bahawa penggunaan BNPL dalam kalangan generasi muda semakin meningkat disebabkan oleh perkembangan gaya hidup digital dan kemudahan akses kepada platform e-dagang.

Sementara itu, M Gelar (2024) menjelaskan bahawa kemudahan pembayaran secara tertanggung berpotensi mempengaruhi tingkah laku pengguna sehingga mendorong kepada pembelian impulsif dan peningkatan komitmen hutang. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun BNPL menawarkan fleksibiliti kewangan, penggunaannya turut menimbulkan risiko terhadap kesejahteraan kewangan individu.

Dari perspektif syariah, beberapa kajian telah membincangkan keharusan penggunaan instrumen kewangan moden selagi tidak mengandungi unsur yang bercanggah dengan prinsip syariah. Ahmad Dahlan dan Mohd Tajudin (2023) menegaskan bahawa sesuatu instrumen kewangan perlu memenuhi prinsip keadilan, ketelusan dan perlindungan terhadap pihak yang berkontrak.

Dalam masa yang sama, prinsip *hifz al-māl* menuntut agar setiap transaksi kewangan dapat melindungi harta, mengelakkan pembaziran serta mencegah kemudaratan ekonomi kepada pengguna. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap BNPL dari perspektif syariah masih banyak tertumpu kepada isu pematuhan kontrak dan keharusan transaksi, manakala analisis yang menilai BNPL secara khusus berdasarkan prinsip *hifz al-māl* dalam kerangka Maqāṣid al-Syarī'ah masih terhad.

Selain itu, masih terdapat ruang untuk membentuk suatu kerangka penilaian yang mengintegrasikan aspek pematuhan syariah, pengurusan hutang, ketelusan kontrak dan perlindungan pengguna. Jurang ini menjadi asas kepada kajian ini dalam menilai pelaksanaan BNPL secara lebih menyeluruh berdasarkan objektif pemeliharaan harta.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kepustakaan (*library research*) bagi menilai penggunaan Buy Now Pay Later (BNPL) berdasarkan prinsip *hifz al-māl* dalam kerangka Maqāṣid al-Syarī'ah. Pendekatan kajian kepustakaan membolehkan sesuatu fenomena diteliti berdasarkan sumber-sumber ilmiah yang relevan bagi membina pemahaman secara konseptual terhadap isu yang dikaji (Muhammad Rijal, 2021).

Pendekatan ini digunakan bagi membolehkan penelitian secara konseptual terhadap mekanisme BNPL serta prinsip syariah yang berkaitan dengan pemeliharaan harta. Tumpuan kajian diberikan kepada kedudukan BNPL sebagai instrumen kewangan

moden serta implikasi penggunaannya terhadap pengurusan hutang, ketelusan kontrak dan perlindungan pengguna dari perspektif *hifz al-māl*.

Data kajian diperoleh melalui analisis dokumen yang melibatkan sumber primer dan sekunder. Analisis dokumen merupakan salah satu kaedah dalam penyelidikan kualitatif yang membolehkan dokumen digunakan sebagai sumber data bagi meneliti dan memahami sesuatu fenomena secara sistematik (Glenn, 2009). Sumber primer merangkumi dokumen rasmi, laporan dan kenyataan yang dikeluarkan oleh institusi kewangan serta badan kawal selia yang berkaitan dengan BNPL dan kewangan Islam.

Sumber sekunder pula terdiri daripada artikel jurnal, buku akademik, prosiding persidangan dan penulisan ilmiah yang membincangkan BNPL, *Maqāsid al-Syarī'ah*, *hifz al-māl*, kewangan Islam serta isu perlindungan pengguna. Pemilihan sumber dibuat berdasarkan autoriti sumber, kerelevanan kandungan dan kesesuaiannya dengan objektif kajian, dengan keutamaan diberikan kepada dokumen rasmi, karya autoritatif berkaitan *Maqāsid al-Syarī'ah* serta kajian akademik yang membincangkan mekanisme dan implikasi penggunaan BNPL.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dengan mengenal pasti dan mensintesis isu serta tema utama yang berkaitan dengan penggunaan BNPL. Analisis kandungan merupakan kaedah yang digunakan secara meluas dalam penyelidikan kualitatif bagi mentafsir makna daripada kandungan data berbentuk teks secara sistematik (Hsiu-Fang & Sarah, 2005).

Analisis memberi tumpuan kepada empat aspek utama, iaitu kedudukan BNPL sebagai instrumen kewangan moden, risiko hutang dan budaya konsumerisme, ketelusan kontrak dan perlindungan pengguna, serta penilaian BNPL berdasarkan prinsip *hifz al-māl*. Dapatan daripada setiap aspek dianalisis dengan menghubungkan literatur berkaitan dengan prinsip syariah bagi menilai manfaat, risiko dan implikasi penggunaan BNPL terhadap pemeliharaan harta. Hasil analisis tersebut kemudiannya disintesis bagi membentuk kerangka penilaian BNPL berdasarkan prinsip *hifz al-māl* dalam *Maqāsid al-Syarī'ah*.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kedudukan BNPL Sebagai Instrumen Kewangan Moden

Dapatan kajian menunjukkan bahawa BNPL merupakan salah satu instrumen kewangan digital yang semakin berkembang dalam ekosistem pembayaran moden (Y. Anjel Raj, 2026). Kemudahan ini membolehkan pengguna memperoleh barangan atau perkhidmatan terlebih dahulu sebelum menjelaskan bayaran secara ansuran dalam tempoh yang ditetapkan.

Model ini menawarkan proses permohonan yang mudah, kadar kelulusan yang pantas dan akses kepada pembiayaan tanpa memerlukan kad kredit, sekali gus menjadikannya pilihan yang semakin popular dalam kalangan pengguna (Colleen & Morgan, 2023). Dari sudut muamalat Islam, kewujudan instrumen kewangan baharu tidak semestinya bercanggah dengan syariah kerana hukum asal dalam urusan muamalat adalah harus selagi tidak terdapat unsur yang diharamkan (al-Ghazali, 1993).

Justeru, BNPL boleh dianggap sebagai satu inovasi kewangan yang berpotensi memenuhi keperluan semasa masyarakat. Namun demikian, keharusan sesuatu instrumen tidak hanya dinilai berdasarkan bentuk luaran transaksi, sebaliknya perlu mengambil kira struktur, mekanisme dan penggunaannya bagi mengenal pasti sama ada terdapat elemen yang bercanggah dengan prinsip syariah (Mohd Sabree et al., 2019).

Oleh itu, penilaian terhadap BNPL perlu dilakukan secara menyeluruh dengan mengambil kira struktur kontrak, mekanisme pembayaran dan implikasi yang terhasil daripada penggunaannya bagi memastikan manfaat yang ditawarkan tidak disertai dengan unsur eksploitasi atau ketidakadilan.

Dalam kerangka *Maqāsid al-Syarī'ah*, sesuatu instrumen kewangan hendaklah berfungsi sebagai medium yang membawa kemaslahatan kepada pengguna dan masyarakat (Fakhri & Khairul Anuar, 2018). BNPL berpotensi memenuhi tujuan tersebut sekiranya

digunakan sebagai kemudahan pembayaran yang membantu pengguna mengurus keperluan kewangan secara lebih sistematik.

Walaupun bagaimanapun, jika instrumen ini hanya berfungsi sebagai galakan kepada peningkatan penggunaan tanpa kawalan, maka manfaat yang diperoleh boleh bertukar menjadi kemudaratan. Oleh itu, kedudukan BNPL sebagai instrumen kewangan moden perlu dinilai bukan sahaja dari aspek keharusan kontrak, tetapi juga dari sudut pencapaian objektif syariah yang lebih luas.

Risiko Hutang Dan Budaya Konsumerisme Dalam Penggunaan BNPL

Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara isu utama yang dikaitkan dengan penggunaan BNPL ialah peningkatan risiko hutang dan kecenderungan pengguna untuk berbelanja melebihi kemampuan kewangan mereka (Venotty et al., 2025). Kemudahan pembayaran secara tertangguh menyebabkan pengguna tidak merasai beban kewangan secara serta-merta, sekali gus mendorong mereka membuat pembelian yang mungkin tidak diperlukan (Isabel et al., 2025).

Keadaan ini lebih ketara dalam kalangan pengguna muda yang aktif menggunakan platform e-dagang dan aplikasi digital (Ismah et al., 2024). Fenomena tersebut menunjukkan bahawa BNPL bukan sekadar instrumen pembayaran, malah berpotensi mempengaruhi tingkah laku pengguna. Dari perspektif ekonomi tingkah laku, kemudahan pembayaran secara ansuran boleh mewujudkan ilusi kemampuan kewangan yang mendorong pengguna membuat keputusan pembelian secara impulsif (M Gelar, 2024).

Walaupun setiap transaksi mungkin melibatkan jumlah yang kecil, pengumpulan beberapa komitmen BNPL secara serentak boleh meningkatkan beban hutang pengguna tanpa disedari (Venotty et al., 2025). Situasi ini menunjukkan bahawa kemudahan yang ditawarkan oleh BNPL boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada ketidakstabilan kewangan sekiranya tidak disertai dengan tahap literasi kewangan yang mencukupi (Bartosz et al., 2024).

Dari perspektif syariah, pengurusan hutang merupakan suatu amanah yang perlu diberikan perhatian serius kerana kegagalan melunaskannya boleh membawa implikasi terhadap hak individu dan tanggungjawab di sisi Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda:

{نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ}

Maksudnya, "Roh seorang mukmin tergantung dengan hutangnya sehingga hutang tersebut dilunaskan." (Hadis. al-Tirmidhi. No. 1078).

Hadis ini menunjukkan bahawa Islam memandang serius kewajipan melunaskan hutang serta menggalakkan umat Islam mengurus komitmen kewangan secara berhemah. Dalam konteks penggunaan BNPL, kemudahan pembayaran secara ansuran tidak seharusnya mendorong pengguna berhutang melebihi kemampuan atau menjadikan hutang sebagai satu kebiasaan tanpa perancangan kewangan yang teliti.

Sebaliknya, penggunaan BNPL hendaklah disertai dengan disiplin kewangan, penilaian terhadap kemampuan membayar dan kesedaran bahawa setiap komitmen hutang perlu diselesaikan mengikut tempoh yang dipersetujui. Pendekatan ini selaras dengan prinsip *hifz al-māl* yang menuntut pemeliharaan harta melalui pengurusan kewangan yang bertanggungjawab serta mengelakkan sebarang bentuk kemudaratan kepada individu dan masyarakat (Muhammad Abdullah, 2025).

Dari perspektif *hifz al-māl*, pengurusan kewangan yang berhemah merupakan salah satu elemen penting dalam pemeliharaan harta. Islam menggalakkan perbelanjaan yang bersifat sederhana serta melarang pembaziran dan sikap berlebih-lebihan. Oleh itu, penggunaan BNPL yang mendorong budaya konsumerisme dan peningkatan hutang boleh dianggap bertentangan dengan objektif pemeliharaan harta. Dalam konteks ini, pengguna perlu memastikan bahawa kemudahan BNPL digunakan untuk memenuhi keperluan yang munasabah dan bukannya menjadi alat yang menggalakkan perbelanjaan tidak terkawal.

Isu Ketelusan Kontrak Dan Perlindungan Pengguna

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketelusan kontrak dan perlindungan pengguna merupakan antara isu yang sering dibangkitkan dalam pelaksanaan BNPL (David, 2025). Sebahagian pengguna didapati kurang memahami syarat pembayaran, caj penalti, implikasi kelewatan bayaran serta tanggungjawab yang terikat dengan penggunaan kemudahan tersebut (Vicka et al., 2026). Keadaan ini boleh menyebabkan pengguna terdedah kepada risiko kewangan yang tidak dijangka dan seterusnya menjejaskan kesejahteraan kewangan mereka.

Ketelusan merupakan elemen asas dalam setiap transaksi kewangan kerana ia memastikan semua pihak memahami hak dan tanggungjawab masing-masing. Dari perspektif muamalat Islam, ketidakjelasan yang material berkaitan syarat pembayaran, caj dan implikasi kelewatan pembayaran juga perlu diberikan perhatian kerana keadaan tersebut boleh menimbulkan unsur *gharar* dalam transaksi.

Justeru, ketelusan kontrak bukan sahaja merupakan tuntutan perlindungan pengguna, bahkan berkait dengan keperluan syariah untuk memastikan setiap pihak memahami hak, obligasi dan risiko yang ditanggung. Selain itu, ketidakseimbangan maklumat antara penyedia perkhidmatan dan pengguna boleh menyebabkan pengguna membuat keputusan kewangan tanpa memahami sepenuhnya risiko yang bakal ditanggung (Bhanurasmi & Gyandra, 2024). Oleh itu, perlindungan pengguna perlu diperkukuhkan melalui pendedahan maklumat yang jelas, mudah difahami dan mudah diakses.

Prinsip *ḥifẓ al-māl* menuntut supaya setiap transaksi dilaksanakan secara adil dan bebas daripada unsur yang boleh membawa kepada kerugian yang tidak wajar. Dalam hal ini, perlindungan pengguna bukan sekadar aspek kawal selia, tetapi merupakan sebahagian daripada tuntutan syariah untuk memastikan hak dan kepentingan pengguna sentiasa dipelihara. Ketelusan kontrak, kejelasan syarat pembayaran dan mekanisme penyelesaian pertikaian yang berkesan merupakan antara elemen penting yang perlu diberi perhatian bagi memastikan penggunaan BNPL selaras dengan objektif pemeliharaan harta.


Penilaian BNPL Berdasarkan Prinsip *Ḥifẓ Al-Māl*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa BNPL berpotensi memenuhi prinsip *ḥifẓ al-māl* sekiranya dilaksanakan melalui kontrak yang sah, telus dan bebas daripada unsur riba, *gharar* serta penindasan (Rahma et al., 2025). Instrumen ini mampu memberikan manfaat kepada pengguna melalui kemudahan pembayaran, akses kepada pembiayaan jangka pendek dan pengurusan aliran tunai yang lebih fleksibel.

Oleh itu, BNPL tidak boleh dianggap sebagai instrumen yang bercanggah dengan syariah secara mutlak kerana penilaiannya bergantung kepada struktur pelaksanaan dan kesan yang terhasil daripada penggunaannya. Walau bagaimanapun, analisis kajian mendapati bahawa keselarasan BNPL dengan prinsip *ḥifẓ al-māl* tidak hanya bergantung kepada aspek kontrak semata-mata.

Sebaliknya, ia turut dipengaruhi oleh corak penggunaan, tahap literasi kewangan pengguna dan keberkesanan kawal selia yang dilaksanakan (Enrico et al., 2026). Instrumen yang pada asalnya bertujuan memberikan kemudahan boleh bertukar menjadi punca kemudaratan sekiranya digunakan secara tidak terkawal atau dimanfaatkan oleh penyedia perkhidmatan untuk mengenakan syarat yang menekan pengguna. Oleh itu, penilaian syariah terhadap BNPL perlu mengambil kira kedua-dua aspek pematuhan kontrak dan implikasi sosial ekonomi yang terhasil.

Secara keseluruhannya, penilaian BNPL berdasarkan prinsip *ḥifẓ al-māl* perlu melangkaui aspek keharusan transaksi dengan turut mengambil kira kesan pelaksanaannya terhadap kepentingan kewangan pengguna. Berdasarkan sintesis dapatan tersebut, kajian ini membentuk satu kerangka penilaian yang mengintegrasikan aspek pematuhan syariah, pengurusan hutang, ketelusan kontrak dan perlindungan pengguna sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Cadangan BNPL Patuh Syariah Berdasarkan Prinsip *Hifz al-Māl*

Rajah 1 mengemukakan kerangka cadangan penilaian BNPL berdasarkan prinsip *hifz al-māl* yang dibangunkan daripada sintesis dapatan kajian. Kerangka ini menunjukkan bahawa penilaian terhadap BNPL dari perspektif syariah tidak seharusnya terbatas kepada persoalan kesahan kontrak semata-mata, tetapi perlu mengambil kira keseluruhan mekanisme pelaksanaan serta implikasinya terhadap kedudukan kewangan pengguna.

Berdasarkan sintesis terhadap tema-tema yang dikenal pasti melalui analisis kandungan, empat dimensi utama dirumuskan, iaitu pematuhan syariah, pengurusan hutang, ketelusan kontrak dan perlindungan pengguna. Keempat-empat dimensi tersebut merepresentasikan aspek kontraktual, tingkah laku kewangan dan perlindungan pengguna yang secara kolektif mempengaruhi pencapaian prinsip *hifz al-māl* dalam pelaksanaan BNPL.

Dimensi pematuhan syariah merupakan asas kepada kerangka ini dengan menekankan keperluan supaya struktur BNPL bebas daripada unsur riba dan gharar serta dilaksanakan melalui kontrak yang sah. Namun demikian, pematuhan terhadap struktur kontrak sahaja belum mencukupi untuk menentukan pencapaian *hifz al-māl*. Sesuatu produk yang memenuhi kehendak kontrak secara formal masih berpotensi menimbulkan kemudaratan sekiranya mekanisme pelaksanaannya mendorong keberhutangan yang berlebihan atau meletakkan pengguna dalam kedudukan kewangan yang terdedah.

Atas asas tersebut, dimensi pengurusan hutang melengkapkan penilaian syariah dengan memberi perhatian kepada had kredit, kemampuan pengguna dan kawalan hutang bagi mencegah keberhutangan yang berlebihan. Hal ini penting kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan BNPL secara berlebihan boleh meningkatkan komitmen hutang dan mempengaruhi tingkah laku perbelanjaan pengguna.

Dimensi ketelusan kontrak dan perlindungan pengguna pula memastikan pemeliharaan harta tidak hanya bergantung kepada tindakan pengguna, tetapi turut menjadi tanggungjawab penyedia perkhidmatan dan sistem kawal selia. Syarat pembayaran, caj dan risiko kewangan perlu dinyatakan secara jelas supaya pengguna dapat membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Pada masa yang sama, perlindungan melalui kawal selia, mekanisme aduan dan penyelesaian pertikaian diperlukan bagi mengurangkan ketidakseimbangan kedudukan antara penyedia perkhidmatan dengan pengguna. Keperluan ini signifikan kerana ketidakjelasan kontrak dan ketidakseimbangan maklumat boleh mendedahkan pengguna kepada risiko kewangan yang tidak dijangka serta menjejaskan keadilan transaksi.

Secara kritikal, kerangka ini menunjukkan bahawa status patuh syariah sesuatu produk BNPL tidak semestinya secara automatik menjamin pencapaian *ḥifẓ al-māl*. Pematuhan syariah pada peringkat kontrak merupakan prasyarat penting, namun pencapaian *Maqāṣid al-Syarīʿah* memerlukan penilaian yang lebih substantif terhadap kesan sebenar penggunaan instrumen tersebut.

BNPL hanya dapat menyokong pemeliharaan harta apabila kemudahan yang diberikan tidak menghasilkan beban hutang yang berlebihan, pengguna memahami obligasi kewangan yang ditanggung, syarat kontrak dilaksanakan secara telus dan mekanisme perlindungan yang berkesan disediakan. Sebaliknya, sekiranya pelaksanaannya mendorong pembaziran, keberhutangan tidak terkawal, ketidakjelasan kontrak atau eksploitasi pengguna, maka manfaat asal BNPL boleh bertukar menjadi kemudaratan yang bercanggah dengan objektif *ḥifẓ al-māl*.

Justeru, kerangka yang dicadangkan mengalihkan penilaian BNPL daripada pendekatan yang hanya berorientasikan pematuhan kontrak kepada pendekatan yang turut menilai hasil dan implikasi kewangan terhadap pengguna, sekali gus memberikan penilaian yang lebih menyeluruh berdasarkan *Maqāṣid al-Syarīʿah*.

PENUTUP

Kajian ini telah menganalisis kedudukan dan pelaksanaan *Buy Now Pay Later* (BNPL) berdasarkan prinsip *ḥifẓ al-māl* dalam kerangka *Maqāṣid al-Syarīʿah*. Dapatan menunjukkan bahawa BNPL berpotensi selaras dengan prinsip syariah sekiranya dilaksanakan melalui kontrak yang sah, telus serta bebas daripada unsur riba, *gharar* dan penindasan. Walau bagaimanapun, keselarasan tersebut tidak hanya bergantung kepada pematuhan kontrak, tetapi turut dipengaruhi oleh corak penggunaan, pengurusan hutang, ketelusan kontrak dan keberkesanan perlindungan pengguna.

Penggunaan BNPL secara tidak terkawal berpotensi meningkatkan beban hutang, mendorong perbelanjaan berlebihan dan menjejaskan kesejahteraan kewangan pengguna, sekali gus bertentangan dengan objektif pemeliharaan harta. Berdasarkan analisis tersebut, kajian ini membentuk kerangka cadangan penilaian BNPL berasaskan empat dimensi utama, iaitu pematuhan syariah, pengurusan hutang, ketelusan kontrak dan perlindungan pengguna.

Kerangka ini menunjukkan bahawa penilaian BNPL berdasarkan *ḥifẓ al-māl* perlu melangkaui pematuhan syariah pada peringkat struktur kontrak dengan turut mengambil kira kesan sebenar pelaksanaannya terhadap kedudukan kewangan pengguna. Pendekatan ini membolehkan BNPL dinilai secara lebih menyeluruh berdasarkan keupayaannya membawa kemaslahatan, mencegah kemudaratan dan memelihara kepentingan kewangan pengguna selaras dengan objektif *Maqāṣid al-Syarīʿah*.

Kajian ini terhad kepada analisis kepustakaan dan dokumen tanpa melibatkan data empirikal daripada pengguna, penyedia perkhidmatan atau pihak berkuasa. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk menguji kerangka yang dibangunkan melalui kajian empirikal bagi menilai kebolegunaannya dalam amalan BNPL di Malaysia. Penelitian tersebut dapat memperkukuh pembangunan model BNPL patuh syariah yang bukan sahaja memenuhi keperluan kontraktual, tetapi turut menyokong kesejahteraan kewangan dan pemeliharaan harta pengguna.

RUJUKAN

Ahlam Kutbi, Ahlam Alsilimani & Rahatullah Muhammad Khan. (2024). *The Effect Of Buy Now, Pay Later Fintech On Traditional Financial Services And Consumer Behavior In*

- Saudi Arabia. Financial and Credit Activity: Problems of Theory and Practice, 2(55), 281–297. <https://doi.org/10.55643/fcaptp.2.55.2024.4323>
- Ahmad Dahlan Salleh & Mohd Tajudin Jamaludin. (2023). *Instrumen Lindung Nilai Menurut Pandangan Mazhab Syafie*. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 31(2), 20–33.
- Bank Negara Malaysia. (2024). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Kemudahan Beli Sekarang Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL)*. Mesyuarat MPS Ke-220 bertarikh 24 Januari 2022, MPS Ke-228 bertarikh 28 Februari 2023 dan MPS Ke-231 bertarikh 26 Jun 2023. Bank Negara Malaysia. <https://www.bnm.gov.my>
- Bartosz Bagniewski, Jakub Kubiczek & Zuzanna Żuchowska. (2024). *BNPL In The Consumerism World: About The Excessive Debt Trap*. Journal of Finance and Financial Law, (44), 49–62.
- Bhanurasmi & Gyandra Fisnawati. (2024). *Islamic Law Analysis Of Paylater Contracts In Online Marketplace Applications*. SYARIAT: Akhwal Syaksyah, Jinayah, Siyasah and Muamalah, 1(3), 132–139.
- Colleen E. Mandell & Morgan J. Lawrence. (2023). *Expanding Access For The Credit Invisible With Just Four Easy Payments? The Unregulated Rise Of Buy Now, Pay Later*. Loyola Consumer Law Review, 35(3), 275–300.
- David Krause. (2025). *Buy Now, Pay Later: An Analysis of Consumer Financial Protection Bureau Research and Regulatory Actions*. SSRN Electronic Journal. <https://doi.org/10.2139/ssrn.5237925>
- Di Johnson, John Rodwell & Thomas Hendry. (2021). *Analyzing The Impacts Of Financial Services Regulation To Make The Case That Buy-Now-Pay-Later Regulation Is Failing*. Sustainability, 13(4), 1992. <https://doi.org/10.3390/su13041992>
- Enrico Maria Cervellati, Umberto Filotto, Dario Sgrulletti & Gian Paolo Stella. (2026). *Buy Now, Pay Later Consumer Credit Behavior: Impacts on Financing Decisions*. Qualitative Research in Financial Markets, 18(1), 287–299. <https://doi.org/10.1108/QRFM-07-2024-0185>
- Fakhri Sungit & Khairul Anuar Ahmad. (2018). *Dilema Perbankan Dan Kewangan Islam: Analisis Dimensi Fiqh Dan Maqasid Al-Syariah*. Journal of Muwafaqat, 1(1), 18–36.
- al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. (1993). *Al-Mustaṣfā Fī ‘Ilm Al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Giulio Cornelli, Leonardo Gambacorta, & Livia Pancotto. (2023). *Buy Now, Pay Later: A Cross-Country Analysis*. BIS Quarterly Review, 61–75.
- Glenn A. Bowen. (2009). *Document Analysis As A Qualitative Research Method*. Qualitative Research Journal, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Hsiu-Fang Hsieh & Sarah E. Shannon. (2005). *Three Approaches To Qualitative Content Analysis*. Qualitative Health Research, 15(9), 1277–1288. <https://doi.org/10.1177/1049732305276687>
- Isabel Katharina Glückert, Karsten Huffstadt & Nicholas Müller. (2025). *Buy Now Pay Later: Between Flexibility and Financial Control—An Analysis of Psychological and Social Factors*. In International Conference on Human-Computer Interaction (pp. 304–314). Springer Nature Switzerland. https://doi.org/10.1007/978-3-031-94168-9_30
- Ismah Osman, Nur Afizah Muhamad Ariffin, Muhammad Farhan Naim Bin Mohd Yuraimie, Muhammad Faiz Bin Ali, & Muhammad Aziz Farhan Bin Noor Akbar. (2024). *How Buy Now, Pay Later (BNPL) Is Shaping Gen Z's Spending Spree In Malaysia*. Information Management and Business Review, 16(3(S)), 657–674. [https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3\(I\)S.4092](https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3(I)S.4092)
- Jessa Loomis & Daniel Cockayne. (2025). *A Feminist Approach To Fintech: Exploring ‘Buy Now, Pay Later’ Technologies And Consumer Fintech*. Journal of Cultural Economy, 18(1), 1–17.

- M Gelar Faisal. (2024). *The Influence Of Paylater Existence On The Level Of Impulsive Buying Behavior In Society*. *Journal of Economic Education and Entrepreneurship Studies*, 5(4), 622–630. <https://doi.org/10.62794/je3s.v5i4.4659>
- Mohd Sabree Nasri, Mohamad Afandi Md Ismail & Muhammad Hilmi Musa. (2019). *Pendekatan Mahkamah Dalam Membuat Keputusan Terhadap Produk Perbankan Islam: Analisis Kes Terpilih*. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 80–98.
- Mudeer Ahmed Khattak. (2018). *Protection and Distribution of Wealth, Commercial and Financial Transactions: Maqasid al-Shariah Perspective*. *European Journal of Islamic Finance*, (10).
- Muhammad Abdullah Dewaya. (2025). *Innovation in Islamic Finance: Integrating Blockchain with Maqāsid al-Sharī'ah & Hifẓ al-Māl*. *Journal of Emerging Economies & Islamic Research*, 13(1), 3852. <https://doi.org/10.24191/jeeir.v13i1.3852>
- Muhammad Rijal Fadli. (2021). *Memahami Desain Metode Penelitian Kualitatif*. *Humanika: Kajian Ilmiah Mata Kuliah Umum*, 21(1), 33–54. <https://doi.org/10.21831/hum.v21i1.38075>
- Rahma Nabilah, Muthoifin & Md. Ishaque. (2025). *Reconstructing Islamic Law on the Buy Now Pay Later (BNPL) Scheme in the Context of the Sustainable Development Goals (SDGs)*. *Profetika: Jurnal Studi Islam*, 26(2), 371–382. <https://doi.org/10.23917/profetika.v26i02.11710>
- al-Shāṭibī, Abū Ishāq Ibrāhīm ibn Mūsā. (2003). *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. al-Maktabah al-Tawfiyyah.
- Srinivasa Rao Dokku, Rajesh C. Jampala, P. Adi Lakshmi, Nagamalleswara Rao Veerla, Vasantharao Nandam, & Deenamma Kandula. (2025). *A Study On Buy Now And Pay Later (BNPL) Alternative Model Of Financing In India: Issues And Challenges*. *Retail Innovations in Business Models*, 1–16.
- Steven Threadgold, Barrie Shannon, Adriana Haro, Julia Cook, Kate Davies, Julia Coffey, David Farrugia, Benjamin Matthews, Joshua Healy & Roger Burrows. (2025). *Buy Now, Pay Later Technologies and the Gamification of Debt in the Financial Lives of Young People*. *Journal of Cultural Economy*, 18(1), 52–67. <https://doi.org/10.1080/17530350.2024.2346210>
- Ulfah Mansurah Zainudin & Ahmad Azam Othman. (2024). *Legal Issues of Buy Now Pay Later (BNPL) Scheme in Malaysia*. Dalam *Proceedings of the 12th UUM International Legal Conference 2023 (UUMILC 2023)*. Atlantis Highlights in Social Sciences, Education and Humanities, 15, 206–220. https://doi.org/10.2991/978-94-6463-352-8_16
- Venotty Ananda Putri, Lisana Tartila, Anandhita Nadya & Nabila Sari. (2025). *Implikasi Buy Now Pay Later (BNPL) Pada Perilaku Konsumtif Generasi Z Dalam Perspektif Ekonomi Islam*. *Media Riset Bisnis Manajemen Akuntansi*, 1(1), 114–126.
- Vicka Prama Wulandari, Abdullah Sani, Zaleha Zaleha, Nina Agus Hariati & Masruha Masruha. (2026). *Legal Analysis of Buy Now Pay Later Services and Household Financial Vulnerability*. *Journal of Mujaddid Nusantara*, 3(2), 165–182. <https://doi.org/10.62568/jomn.v3i2.803>
- Wenlong Bian, Lin William Cong, & Yang Ji. (2023). *The Rise of E-Wallets and Buy-Now-Pay-Later: Payment Competition, Credit Expansion, and Consumer Behavior*. NBER Working Paper No. 31202. National Bureau of Economic Research.
- Y. Anjel Raj. (2026). *Digital Payment Systems and Their Transformative Role in Modern Marketing Strategies*. In *Impacts of Digital Payment Systems on Marketing*. IGI Global. <https://doi.org/10.4018/979-8-3373-4526-0.ch004>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.